Mandat baharu buka laluan ES Sunlogy, Kerjaya Prospek buru projek bersama

Oktober 21, 2026

Pengarah Urusan ES Sunlogy, Khor Chuan Meng.

KUALA LUMPUR: ES Sunlogy Bhd memperoleh kelulusan pemegang saham bagi mandat transaksi berulang dengan pihak berkaitan, sekali gus memudahkan urusan perniagaan bersama pemegang saham strategiknya, Kerjaya Prospek Group Bhd.

ES Sunlogy dalam satu kenyataan berkata, mandat yang diluluskan pada Mesyuarat Agung Luar Biasa itu membolehkan urusan perniagaan rutin dengan pihak berkaitan dikendalikan dengan lebih cekap berdasarkan terma komersial biasa.

Kerjaya Prospek muncul sebagai pemegang saham strategik ES Sunlogy dengan pegangan 31 peratus selepas melabur kira-kira RM64.31 juta untuk membina kepentingannya antara Julai hingga Ogos 2026.

Kedua-dua syarikat sudah bekerjasama sejak 2018, dengan ES Sunlogy melaksanakan kerja kejuruteraan mekanikal dan elektrik (M&E) bagi projek Kerjaya Prospek. Kerjasama itu kini berpotensi diperluas kepada projek guna campur, perindustrian dan infrastruktur.

"Kelulusan mandat ini akan memudahkan urusan perniagaan berterusan kami dengan Kerjaya Prospek berdasarkan terma komersial biasa, sekali gus menyokong kerjasama lebih erat ketika kami mengejar peluang projek baharu bersama," kata Pengarah Urusan ES Sunlogy, Khor Chuan Meng.

Dalam perkembangan buku pesanan, anak syarikatnya, Savelite Engineering Sdn Bhd, memperoleh kontrak kerja elektrik bernilai RM15.63 juta bagi projek pangsapuri servis yang merangkumi 1,078 unit di Johor Bahru.

ES Sunlogy turut memperoleh subkontrak M&E bernilai RM107.5 juta daripada China State Construction Engineering (M) Sdn Bhd bagi sebuah projek bangunan di Johor pada awal tahun ini.

Selain perniagaan M&E teras, kumpulan itu sedang memperluas keupayaan dalam penghantaran kuasa voltan tinggi selepas menaik taraf lesennya kepada kapasiti 275 kilovolt pada tahun lalu.

Kumpulan berkenaan sudah memperoleh projek pencawang Tenaga Nasional Bhd di Lembah Beringin, Selangor, dan menyasarkan lebih banyak kerja berkaitan grid dalam tempoh dua hingga tiga tahun akan datang.

Dalam segmen tenaga boleh diperbaharui, ES Sunlogy mengendalikan Loji Junjong LSSPV berkapasiti 20.76 megawatt dan Loji Selarong LSSPV berkapasiti 29.99 megawatt.

Syarikat itu juga merancang menyertai bidaan program Solar Berskala Besar 6 dengan cadangan yang menggabungkan penjanaan tenaga solar dan sistem penyimpanan bateri.

"Strategi pertumbuhan kami tertumpu pada pengukuhan perniagaan M&E teras sambil mengembangkan keupayaan dalam penghantaran kuasa voltan tinggi dan tenaga boleh diperbaharui," kata Chuan Meng.

Beliau berkata, kumpulan menyasarkan peluang dalam projek perindustrian, pusat data dan infrastruktur serta mahu meningkatkan pendapatan berulang daripada aset solar.